

Pejabat Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang...
10 June at 9:52 AM · 🌐

Webinar : BDR (Bukan Duduk Relax Haa..!!) yang ak...

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

STEP SIRI TRANSFORMASI EKSEKUTIF PERDANA

#Moh Cakna !

BDR : BEKERJA DARI RUMAH @ BUKAN DUK RELAKS

- Budaya kerja Norma Baru
- Bekerja sambil mengurus keluarga
- Tuntutan Ketua Pejabat vs Ketua Keluarga
- Arahan kerja Vs Aturan Keluarga
- KPI kerja vs KPI keluarga
- Tekanan VS Konflik Peranan

TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT

5 STARS QS RATED FOR EXCELLENCE 2018

751-800 QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2021

#133 ASIA QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2021

PERKONGSIAN OLAK :
TUAN HAJI HORIZMAN BIN ABAT
KETUA PENOLONG PENGARAH
MERANGKAP KETUA KAUNSELOR
BAHAGIAN KAUNSELING DAN PEMBANGUNAN INSAN
JABATAN ZAKAT MAJLIS

GENERAL

Bijak urus masa mendepani cabaran BDR

18 June 2021

Disediakan Oleh: Nor Salwana Mohd Idris, Unit Komunikasi Korporat Pejabat Naib Canselor

PEKAN, 10 Jun 2021 - Pelaksanaan arahan bekerja dari rumah (BDR) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memerangi wabak COVID-19 menjadi norma baharu buat mereka yang bekerja.

Rutin keluarga yang biasanya dilakukan sebelum dan selepas waktu bekerja terpaksa dipikul dalam tempoh yang lebih panjang. Banyak perkara perlu dilakukan dalam satu masa seperti memantau kelas dalam talian anak-anak, memasak dan memastikan urusan rumah tangga selesai di samping tugas pejabat dilaksanakan dengan baik.

Menurut Ketua Penolong Pengarah merangkap Ketua Kaunselor Bahagian Kaunseling dan Pembangunan Insan, Jabatan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Tuan Haji

Norazman Amat, sebagai staf, kita perlu pandai membahagikan masa dalam menguruskan rumahtangga dan melaksanakan tugas sepanjang pelaksanaan

“Saya pasti kita semua memahami konsep keberkatan dalam tugas dan pendapatan yang kita peroleh justeru, kita perlu menanamkan sikap bertanggungjawab dalam tugas yang diberikan,”

“Antara tip dalam menguruskan diri ketika era COVID-19 ini ialah staf boleh mengadakan jadual dari awal pagi hingga ke malam.

“Selain itu juga, staf perlu sentiasa berfikiran positif dan sentiasa meningkatkan hubungan dengan Yang Maha Pencipta,” katanya dalam program Webinar Siri Transformasi Eksekutif Perdana yang bertajuk Sesi Perkongsian Umum (Etika Kerja) BDR: Bukan Duduk *Relax* baru-baru ini

Tambahnya, pastikan juga cabaran yang besar apabila melaksanakan tugas di rumah dikongsi bersama suami dan isteri dengan bertoleransi serta saling membantu antara satu sama lain.

“Namun, sekiranya mempunyai masalah kongsikannya bersama dengan pakar yang sentiasa bersedia berkhidmat.

“Pada masa yang sama, kita perlu tingkatkan kesabaran dalam menempuhi norma baharu ini dan bukan menjadikan Covid-19 sebagai asbab untuk kita berkelakuan negatif.

“Malah sepatutnya dalam situasi ini jadikan musibah sebagai ujian dan jadikan ia sebagai platform untuk merapatkan ukhuwah di antara keluarga,” ujarinya.

Beliau turut berkongsi tip untuk mengurangkan tekanan iaitu kita perlu berfikir secara terbuka dan perkara remeh tidak perlu dibesar-besarkan.

“Usah salahkan keadaan malah kita yang perlu bentuk suasana yang muhibah dalam keluarga.

“Sebagai ibu bapa juga perlu ada sikap yang positif untuk merapatkan hubungan kekeluargaan,” katanya.

Program yang dijalankan menerusi aplikasi Google Meet itu dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Paridah Mohd Ali itu bertujuan untuk berkongsi dengan warga UMP cara mengurus mental dengan baik sepanjang PKP ini.